

Pengunjung lebih suka sewa tuk-tuk

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Berikutan permintaan terhadap skuter elektrik serta kenderaan beroda (tuk-tuk) yang tinggi, terdapat peniaga tetap menawarkan perkhidmatan sewa produk tersebut walaupun sudah beberapa kali diserpa serta dirampas oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Seorang pekerja yang enggan dikenali berusia 20-an berkata, kenderaan itu sememangnya menjadi pilihan utama berbanding basikal sewa.

Katanya, kenderaan seperti tuk-tuk antara yang popular disewa dalam kalangan pelanggan berkeluarga kerana ia boleh dinaiki tiga hingga empat orang dalam satu-satu masa.

"Kalau yang ada dua anak, atau yang datang dengan kawan tiga hingga empat orang, mereka lebih suka naik tuk-tuk. Sekali jalan boleh ramai-ramai.

"Ramai juga suka sewa skuter elektrik kerana jimat tenaga untuk bergerak. Untuk sewa basikal, ia lebih disewa dalam kalangan remaja yang mahu bersenam sambil pusing tasik, namun memang basikal kurang permintaan," katanya kepada *Kosmo!* Ahad semalam.

Terdahulu satu operasi Tindakan Khas Jabatan Penguatkuasaan DBKL dibuat di tapak parkir bersebelahan Universiti Kebangsaan Malaysia, Taman Tasik Titiwangsa, di sini semalam.

Dalam operasi bermula pukul 9.30 pagi itu, DBKL menyita lebih 100 basikal dan lebih 30 skuter elektrik serta tuk-tuk kerana menjalankan aktiviti khidmat



PENGUAT Kuasa DBKL merampas basikal yang terblar dan rosak di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur semalam. – AMARULLAH

sewa tanpa lesen serta peniaga yang melanggar syarat lesen mengikut Undang-Undang Kecil 24 (1) UUK Perlesenan dan Penaja WPKL 2016.

Dalam pada itu, seorang lagi peniaga berusia 40-an berkata, skuter elektrik serta tuk-tuk sememangnya memberi keuntungan lebih tinggi berbanding basikal sewa.

"Saya mampu meraih keuntungan sekitar RM10 hingga RM15 untuk satu skuter elektrik apabila harga sewaan adalah pada kadar RM24 bagi tempoh 40 minit.

"Kalau basikal satu basikal hanya untung dalam RM2 hingga RM4. Lepas tolak kos penyelenggaraan. Sewa tapak pun lebih RM400 termasuk lesen untuk tiga bulan. Bukan hari-hari orang ramai, jadi kalau harap basikal memang tidak cukup," katanya.

Menurut salah seorang peniaga yang mahu dikenali Ana, anta-

ra syarat dalam lesen perniagaan yang dikeluarkan DBKL adalah peniaga hanya dibenarkan menyediakan 25 unit basikal dalam satu-satu masa.

Katanya, jumlah tersebut terlalu sedikit menyebabkan orang ramai kurang berminat untuk menyewa basikal di kedainya.

Jelasnya, menjadi satu strategi pihak peniaga untuk memeriahkan suasana ruang niaga dengan menyediakan pelbagai jenis basikal dalam kuantiti yang banyak agar orang ramai dapat membuat pilihan mengikut cita rasa dan keselesaan masing-masing.

"Masalahnya kalau letak sedikit basikal, nampak 'sendu' (tak meriah). Orang pun jadi tak berminat nak singgah gerai untuk sewa basikal kalau tak banyak pilihan.

"Jadi memang kena letak 30 hingga 40 basikal dalam satu masa untuk bagi pelbagai pilihan kepada pelanggan," tambahnya.



ORANG ramai lebih berminat untuk menyewa e-basikal serta tuk-tuk ketika berkunjung ke Tasik Titiwangsa di Kuala Lumpur. – AMARULLAH